



**JABATAN CETAK KERAJAAN**  
Km. 4, Jalan Tuaran  
Beg Berkunci No. 2004  
88554 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

E-mel: pengarah.jck@sabah.gov.my Tel.: 088-538767 Faks: 088-217034



Tolong salinkan bil. kami dalam jawapan surat ini. (Please quote this reference in any reply to this letter)

**Ruj. Tuan:**  
(Your Ref.)

**Ruj. Kami:**  
(Our Ref.) JCK: 400 -0/36 Jld.1 ( 01 )

Tarikh: 14 September 2023

Setiasaha Tetap Kementerian,  
Semua Ketua Jabatan Negeri,  
Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Negeri,  
Semua Presiden Majlis Perbandaran,  
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri,  
Semua Pegawai Daerah,  
Semua Penolong Pegawai Daerah-daerah Kecil,

Yang Berbahagia Datuk/Tuan/Puan,

**TARIKH PENERIMAAN TEMPAHAN/E-PESANAN UNTUK BAHAN-BAHAN YANG DICETAK DAN PEMBEKALAN ALAT TULIS BAGI PENUTUPAN AKAUN KERAJAAN NEGERI SABAH TAHUN 2023**

Dengan hormatnya saya ingin merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan ini telah menetapkan tarikh-tarikh penting bagi mematuhi kehendak Surat Pekeliling Jabatan Bendahari Negeri Bil. 3/2023 iaitu Penutupan Akaun Kerajaan Negeri Sabah 2023 yang bertarikh 7 Mac 2023. Berikut adalah tarikh penutupan bagi pembekalan alat tulis dan tempahan pencetakan bagi tahun 2023 iaitu:

- 2.1 **Pembekalan Alat Tulis – Tarikh akhir penerimaan tempahan/E-Pesanan pada atau sebelum 20 November 2023.** Tindakan ini perlu dilaksanakan bagi membolehkan Jabatan ini membuat Pemeriksaan Stok dan juga memproses Baucar Jurnal sebelum penutupan akaun bulan November dan Disember 2023.
- 2.2 **Tempahan Pencetakan – Tarikh akhir penerimaan pada atau sebelum 20 November 2023.** Tempahan pencetakan yang dibuat selepas tarikh tersebut mestilah menyatakan tahun kewangan peruntukan. Permohonan tanpa menyatakan tahun kewangan peruntukan adalah dianggap menggunakan peruntukan tahun 2024.

Ruj. Kami: JCK: 400 – 0/36 Jld. 1 ( 01 )  
Tarikh: 14 September 2023

---

3. Sila ambil perhatian bahawa tarikh akhir penerimaan bekalan/penjanaan bil-bil adalah pada tarikh-tarikh seperti berikut:

	<u>Bulan Perbelanjaan</u>	<u>Akhir Penerimaan Bekalan/Penjanaan Bil</u>
3.1	Bulan November 2023	22 November 2023
3.2	Bulan Disember 2023	11 Disember 2023

4. Pihak Jabatan Cetak Kerajaan mohon perhatian sewajarnya untuk menjelaskan dengan **SEGERA** semua hutang/tunggakan, jika ada, bagi tahun 2023 dan juga sebelumnya bagi mengelak daripada teguran pihak Jabatan Audit Negara.

5. Sebagai makluman tambahan, semua pesanan pencetakan dan alat tulis bagi tahun 2024 hanya boleh dipesan dan diproses setelah waran peruntukan 2024 telah disalurkan ke Jabatan Cetak Kerajaan pada tahun tersebut.

6. Kerjasama Yang Berbahagia Datuk/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini sangatlah dihargai.

Sekian dan harap maklum.

**“MALAYSIA MADANI”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(LIEW CHERN WEI)**

Pencetak Kerajaan Sabah

s.k Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah  
Jabatan Ketua Menteri  
Blok A, Menara Kinabalu  
**88400 KOTA KINABALU**

Setiausaha Tetap  
Kementerian Kewangan Negeri Sabah  
Blok C, Menara Kinabalu  
**88400 KOTA KINABALU**

Pengarah  
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri  
Blok A, Tingkat 6 & 7, Menara Kinabalu  
**88400 KOTA KINABALU**

(U/P: Puan Azawana Binti Awang Salleh) – Untuk tindakan dalam Sistem JCK)

**‘SABAH MAJU JAYA’**